

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JANUARY 2017

Kekangan bajet bukan alasan tak laksana projek rakyat: PM

BH-27/1/2017

➔ Pembangunan perhubungan, infrastruktur berimpak tinggi rangsang ekonomi, tiada hasrat untuk bermegah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Semua kementerian dan agensi pelaksana kerajaan diingatkan supaya tidak menggunakan alasan kekangan bajet untuk tidak melaksanakan program atau projek untuk rakyat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri menegaskan, perkara itu perlu diberi perhatian serius oleh semua kementerian dan agensi pelaksana berikutan 2017 adalah tahun menumpukan penyampaian kepada rakyat.

"Saya tidak mahu wujud situasi kementerian menggunakan alasan duit tidak sampai atau bajet tidak cukup untuk tidak laksana projek berpaksikan kepentingan rakyat.

"Saya mahu Kementerian Kewangan membantu dan memastikan semua kementerian dan agensi pelaksana tidak menghadapi kekangan kewangan dalam melaksanakan projek atau program untuk rakyat.

Beri perhatian serius

"Alasan duit tak sampai lagi atau bajet tidak cukup selalu menjadi luahan atau alasan, sama ada tepat atau tidak, saya harap kita beri perhatian yang serius," katanya berucap pada Perhimpunan Khas Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Sementara itu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, projek perhubungan dan infrastruktur berimpak tinggi yang dilaksana kerajaan bukan untuk kemegahan atau projek mewah, sebaliknya

bertujuan merangsang ekonomi negara.

Perdana Menteri menjelaskan, projek seperti Lebuhraya Pan Borneo, Rapid Pengerang, Malaysia Vision Valley, Bandar Malaysia, Tun Razak Exchange, Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) wujudkan peluang kerja berpendapatan tinggi dan merangsang ekonomi penduduk setempat.

"Ia juga membantu mewujudkan peluang kontrak tahap kedua untuk syarikat kontraktor tempatan khususnya kontraktor Kelas F, selain kesalinghubungan ini turut membawa peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Contohnya projek ECRL, yang apabila siap kelak dijangka menyumbang kepada pertumbuhan ketiga-tiga negeri di Pantai Timur

dengan peningkatan KDNK sebanyak 1.5 peratus," katanya.

Beliau berkata, kajian mendapati jika sesebuah negara dapat menyediakan sistem pengangkutan yang lebih baik lagi cekap, ia dapat meningkatkan KDNK negara sebanyak dua peratus.

Najib berkata, biarpun kerajaan yakin mencapai unjuran pertumbuhan ekonomi antara 4.5 dan 5 peratus tahun ini bersandarkan asas ekonomi negara yang kukuh dan dasar fiskal serta kewangan yang baik, beberapa risiko perlu diambil kira.

"Risiko dijangkakan, antaranya termasuk, pasaran kewangan global tidak menentu dan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan negara maju serta dasar di Amerika Syarikat yang perlu diberi perhatian," katanya.